

Najib dengar, hargai suara Generasi Y

Datuk Seri Najib Razak ialah Perdana Menteri yang mesra belia. Beliau meluangkan banyak masanya untuk mendampingi generasi ini.

Hubungan rapat yang terjalin antara Najib dengan belia membuka ruang kepada mereka menyuarakan pandangan terus kepada beliau sama ada melalui pertemuan, forum dan interaksi melalui media sosial.

Najib juga membiasakan diri duduk bersila bersama belia di jalan raya untuk menonton siaran langsung perlawanan bola sepak. Apa yang dilakukan itu membuktikan Najib sedia membawa pendekatan baru dalam memahami kehendak dan aspirasi belia di negara ini.

Hakikatnya, dunia belia hari ini berbeza tiga dekad lalu. Najib melihat generasi baru yang dilahirkan selepas 1980 berbeza dengan generasi sebelumnya. Bentuk komunikasi dengan 'Generasi Y' ini sudah banyak berubah. Pemimpin hari ini harus sedia bersemuka dengan generasi muda, selain menggunakan media sosial interaktif. Pertemuan yang kerap dengan belia dapat membuka ruang kepada mereka memberikan pendapat, idea dan juga kritikan mengenai pelbagai isu.

Forum dekati belia

Pada majlis minum petang Youth Defined 2: Youth Action Forum 2013 baru-baru ini di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur yang dihadiri 500 belia, Najib menyebut forum itu adalah manifestasi hasrat kerajaan memperkasakan pembabitian generasi muda untuk mengetengahkan idea baru dan bernas, sekali gus bersama membentuk masa depan negara. Dalam konteks ini, Najib melihat belia sebahagian daripada penyumbang pembinaan negara dan penyelesaian masalah. Justeru, suara mereka perlu didengari.

Bagi Najib, minda yang segar dan pendekatan di luar kotak diperlukan untuk memahami generasi baru ini. Mereka perlu diperkasakan melalui pendekatan baru. Oleh itu, selari dengan perubahan zaman, kerajaan menyediakan pelbagai inisiatif bertujuan membangun potensi mereka dan mengurangkan beban sara hidup mereka. Ia sekali gus sebagai pengiktirafan terhadap sumbangan belia di negara ini.

Antara inisiatif itu ialah kemudahan akses pendidikan tinggi, Skim Latihan 1Malaysia (SL1M), Yayasan Inovasi Negara (YIM), Program Belia Mahir 1Malaysia, Dana Belia 1Malaysia, Bantuan Kemahiran Institut Kemahiran MARA, Institut kemahiran Tinggi Belia Negara (IKBN), ban-

tuhan kepada usahawan muda, Program Inkubator Usahawan Belia Tani (IUBT), menubuhkan 'Graduate Employability Taskforce' (Bajet 2013), penubuhan Parlimen Belia dan Akademi Bola Sepak Negara (Bajet 2011).

Kerajaan turut menyediakan pelbagai inisiatif seperti rumah mampu milik untuk belia baru bekerja. Bagi mengurangkan beban sara hidup belia, kerajaan menyediakan antaranya Baucar Buku 1Malaysia, rebat RM200 untuk telefon pintar, Bantuan Rakyat 1Malaysia untuk bujang 21 tahun dan diskaun 20 peratus peminjam PTPTN yang melangsaikan hutang sekali gus.

Najib lebih terbuka

Langkah dilaksanakan kerajaan itu disambut baik belia. Mereka melihat kerajaan pimpinan Najib lebih terbuka dan prihatin terhadap belia. Ini dibuktikan dalam satu kajian oleh pensyarah sains politik Universiti Teknologi MARA (UiTM). Hasil kajian itu juga mendapati 70 peratus belia suka dengan pendekatan dilakukan kerajaan menerusi program yang dirangka. Mereka juga menyambut baik penggunaan media sosial interaktif oleh Najib.

Kajian persepsi dan penerimaan belia minoriti terhadap parti pemerintah dibuat ahli antropologi sosial Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Sarjit Singh Gill membabitkan belia enam kumpulan minoriti, iaitu India Muslim, Portugis, Baba Nyonya, Orang Asli, Siam dan Chetti menunjukkan sikap positif mereka terhadap kepemimpinan Najib.

Kajian yang bertujuan menilai pengetahuan politik dan kecenderungan politik golongan minoriti itu mendapati 54.2 peratus responden memilih Najib sebagai orang paling sesuai menjadi Perdana Menteri berbanding ketua pembangkang. Mereka menerima baik kepemimpinan Najib yang dilihat sebagai pemimpin yang mesra rakyatnya.

Kesimpulan, belia di negara ini wajar menghargai keprihatinan dan pengiktirafan kerajaan terhadap peranan mereka untuk memacu perjalanan ke arah mencapai negara maju menjelang 2020. Najib mahu belia memandang jauh ke depan dalam apa jua perkara yang mereka lakukan. Justeru, Najib meletakkan sepenuh kepercayaan terhadap belia bagi menjayakan agenda transformasi negara yang sedang dikemudikannya.



Penulis

ialah Penganalisis Media di Bahagian Penerbitan Dasar Negara, Jabatan Penerangan



**AYOP
ABD RAZID**